

## **Rakyat tanggung RM1.5 bilion tampung jet peribadi kerajaan, kata PKR**

**The Malaysian Insider**

**March 31, 2015**

**Oleh Diyana Ibrahim**

PKR mendakwa hari ini jumlah yang perlu ditanggung rakyat bagi kos penggunaan 2 pesawat rasmi kerajaan, iaitu ACJ319 dan ACJ320, akan mencecah RM1.5 bilion bagi tempoh 15 tahun akan datang.

Dalam pendedahan terkini mengenai pembelian jet baru oleh Putrajaya, Setiausaha Agung PKR Rafizi Ramli berkata, jumlah kos penyenggaraan operasi dan pengurusan jet ACJ319 sedia ada ialah RM304 juta bagi tempoh 2007 hingga 2015.

Bagi kos penyenggaraan jet baharu (ACJ320) pula, ia menelan belanja penyenggaraan, operasi dan pengurusan sebanyak RM690 juta bagi tempoh 15 tahun.

"Jika ditambah dengan kos operasi, penyenggaraan dan pengurusan bagi jet sedia ada dalam tempoh 7 tahun akan datang, jumlah bagi dua jet peribadi perdana menteri adalah RM1.098 bilion.

"Jika dicampur dengan pembayaran kos sewa beli bagi jet baru sebanyak RM465 juta, jumlah yang perlu ditanggung rakyat bagi dua buah jet ini akan cecah RM1.563 bilion bagi tempoh 15 tahun akan datang," katanya pada sidang media di lobi Parlimen.

Beliau berkata, jumlah tersebut menyamai 25% daripada jumlah kutipan bersih cukai barangan dan perkhidmatan (GST) bagi tahun 2015.

"Ini bermakna Datuk Seri Najib Razak tidak boleh melenting jika rakyat beranggapan mereka membayar cukai GST sebahagiannya untuk menampung kemewahan gaya hidup beliau dan jemaah menteri yang mewah menggunakan jet-jet peribadi ini," kata Rafizi.

Ahli Parlimen Pandan itu baru sahaja dilepaskan daripada tahanan reman selepas disiasat mengikut Akta Hasutan berhubung kenyataannya mengenai perhimpunan #KitaLawan 28 Mac lalu.

Beliau yang juga naib presiden PKR itu mendakwa, penahanannya berhubung pekeliling yang dikeluarkannya itu hanyalah satu alasan Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar yang tidak dipercayai sesiapa pun.

"Tujuan sebenar penahanan saya ialah untuk memastikan beberapa pimpinan utama Pakatan Rakyat (PR) seperti saya, (timbangan presiden PAS) Mohamad Sabu, (naib presiden PKR) Tian Chua dan lain-lain tidak boleh menyertai perhimpunan #KitaLawan itu.

"Saya tahu saya dilihat sebagai duri yang perlu dibuang kerana seringkali

mendedahkan pelbagai penyelewengan dan pembaziran Barisan Nasional (BN)."

Rafizi juga mendakwa, pemimpin BN hanya menggunakan Khalid sebagai alasan untuk cuba menutup penyelewengan yang dilakukan mereka. – 31 Mac, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rakyat-malaysia-tanggung-rm-1.5-bilion-tampung-dua-jet-peribadi-kerajaan>